

# **Pengaruh Faktor Keagamaan Dalam Urus Tadbir Dana Infaq**

## **Hasan Bahrom**

Felo Bersekutu ARI, Felo IKaZ, Pensyarah ACIS Universiti Teknologi MARA,

Melaka

hasanbahrom@gmail.com

## **Abdul Halim Md Noor**

Felo ARI, Felo IKaZ, Pensyarah FPP, Universiti Teknologi MARA, Melaka

drabdhalim@melaka.uitm.edu.my

## **Ariffin Saleh**

Felo ARI, Felo IKaZ, Pensyarah FPP, Universiti Teknologi MARA, Melaka Tel :

0196262696 E-mail arila@melaka.uitm.edu.my

## **Abdul Rahim**

Felo ARI, Felo IKaZ, Pensyarah FPP, Universiti Teknologi MARA, Melaka

aimaz84@yahoo.com

## **Abstrak**

Faktor keagamaan adalah penting kerana ia memberi kesan kepada perubahan sikap individu ke arah kehidupan yang lebih positif yang akhirnya akan membentuk worldview dan gaya hidup individu dalam jangka panjang. Sejarah telah membuktikan bagaimana agama memainkan peranan penting kepada penghalang berlakunya perkara negatif dalam kehidupan masyarakat. Banyak kajian yang dilakukan memperkatakan persoalan tersebut antaranya Hairunnizam Wahid (2010) berkaitan dengan Pengaruh Faktor Keagamaan Terhadap Kualiti Hidup Individu: Kajian Kes Anaf Fakir dan Miskin mendapati bahawa agama menjadi faktor yang mempengaruhi peningkatan kualiti hidup masyarakat. Demikian juga dengan Dirk Baier (2013) The Influence of Religiosity on Violent Behavior of Adolescents: A Comparison of Christian and Muslim Religiosity, mendapati bahawa agama menjadi faktor penghalang berlakunya sifat yang kurang baik. Berbeza dengan pendapat yang dikemukakan oleh Budi Anto Mohd Tamring, (2008) dalam kajian beliau berkaitan Pengaruh agama dalam interaksi dan toleransi etnik: Kajian ke atas pelajar bumiputra Sabah di Universiti Malaysia Sabah, beliau mendapati peranan agama tidak begitu ketara boleh mempengaruhi sikap dan watak individu. Banyak kes yang berlaku atas penyelewengan dana kebajikan yang dikutip hanya sampai sebahagian sahaja kepada penerima. Justeru timbul persoalan sejauh manakah nilai keagamaan mampu membendung penyelewengan atau salah tadbir urus dana infaq?. Apakah program keagamaan yang diterapkan oleh institusi agama dapat meningkatkan kefahaman nilai agama dan amalan kegamaan yang akhirnya akan mengurangkan salah guna dalam urus tadbir dana dana infaq?. Kajian ini akan membina pembolehubah indeks keagamaan berdasarkan kepada maqasid

syariah dan seterusnya menguji hubungannya dengan beberapa pembolehubah demografi dan urus tadbir yang baik.

**Kata kunci :** Urus Tadbir, Dana Infaq, Faktor Keagamaan, Penyelewengan

## PENDAHULUAN

Nilai agama memainkan peranan yang amat signifikan dalam menentukan hala tuju sesuatu pengurusan. Allah menurunkan agama untuk manusia menjadikannya sebagai garispanduan untuk mengatur hidup dan mengurus dunia. Kemusnahan sesuatu kaum atau Negara berkaitrapat dengan sejauhmana amalan beragama diaplikasikan dalam sistem pengurusan dan pentadbiran sesuatu organisasi. Sejarah telah membuktikan kebangunan dan keruntuhan sesuatu kekuasaan itu berkaitrapat dengan ketiggian amalan agama yang dipegang oleh organisasi tersebut. Kejatuhan kerajaan Islam lepas, seperti kerajaan Abasiah, Umayyah, Fatimiyah dan khalifah Islam di Turki, sedikit sebanyak ada hubungkaitnya dengan kegagalan pelaksanaan amalan beragama dikalangan pemerintah dan masyarakat umum. Justru itu Rasulullah dibangkit untuk menyempurna akhlak “ li Utammimal Akhlaq” dan dirinya dilabel menjadi contoh “ uswatan Hasanah”.

## NILAI BERAGAMA DAN LANDASAN AJARAN

Pada praktisnya nilai beragama memainkan peranan yang penting dalam menjarak jurang manusia melakukan perkara yang tidak baik, atau melanggar peraturan sama ada yang ditetapkan oleh agama atau peraturan Negara. Banyak ayat al Quran yang menyentuh soal ini, yang paling nyata di sebut

Bermaksud ; “ Bacalah serta Ikutlah (Wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari Al-Quran, dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); Sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan Sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.” ( al ankabut:45)

Perintah Allah agar manusia melakukan rasa kebertanggugjawaban dan amalan yang berkualiti

Bermaksud : “Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan Yang keji dan mungkar serta kezaliman. ia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya”. ( al Nahl: 90)

Melihat kepada hadis Rasulullah saw, bermaksud : Dari Abu Hurairah RA, Rasulallah SAW bersabda: “Tidak akan berzina seorang penzina, jika ketika itu dia sedang beriman. Tidak akan minum arak, orang yang minum, jika ketika itu dia sedang beriman. Tidak akan mencuri seorang pencuri, jika ketika itu dia sedang beriman”. ( Hadith Sohibh Riwayat Bukhari).

Dari ayat al Quran dan hadis di atas mengambarkan secara jelas, mereka yang mempunyai ilmu yang tinggi dalam bidang agama dan berpegang kuat

dengan kedua-dua sumber tersebut sepenuhnya, pasti menghasilkan nilai insan atau sumber manusia yang hebat dari aspek adab dan tingkahlaku, mereka mampu mengawal segala bentuk kesalahan atau nilai negatif yang didorong oleh nafsu, seperti rasuah, salah gunakuasa dan menggunakan harta orang lain tanpa kebenaran, malah mereka bersedia mengorbankan jiwa dan harta mereka untuk orang lain.

Sejarah telah membuktikan yang mana amalan dan tatakelola tadbir urus yang dilakukan oleh para sahabat terutama dalam masa pemerintahan khulafa al Rasyidin sebagai contoh, mempunyai nilai integriti, ketelusan dan kebertanggungjawaban amat tinggi dan terserlah dipaparkan secara nyata. Kepimpinan Abu Bakr ra misalnya, telah memperlihatkan ketegasannya apabila beliau memerangi sebahagian penduduknya yang enggan membayar zakat “golongan riddah”, sekalipun mendapat tentangan yang hebat daripada para sahabat. Tindakan tegas dan komitment pelaksanaan keadilan dilakukan secara terbuka, tegas dan konsisten. Kesediaan Saidina Umar ra menerima teguran yang membina dan berterus terang dari hadirin, sekalipun ketika itu berada di atas pentas sedang berkhutbah jumaat, kerana memakai jubah yang lebih labuh sedikit daripada sebelumnya. Persoalan yang ditimbulkan dari mana ia mendapat jubah tersebut dan dijawab oleh Umar ra dengan beradab dan telus. Sifat Keber tanggungjawab Umar ra digambarkan lagi dengan sifat kepedulian menggunakan harta kerajaan, dimana beliau telah memadam lampu ketika berbincang dengan anaknya Abdullah, kerana pebincangan yang dilakukan di pejabat khalifah bukan urusan Negara tetapi urusan keluarga. Sikap ini memperlihatkan betapa hebat kekuatan pegangan agama boleh mempengaruhi tahap tindakan dan perbuatan seseorang itu.

### Kajian Pengaruh Agama

Dalam banyak kajian yang dilakukan oleh ramai tokoh turut memperakui bahawa pegangan agama memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pelbagai aspek. Menurut Greene dan Yoon (2004), ahli ekonomi kini sebenarnya telah mula mengkaji semula dua bidang asas iaitu dimensi ekonomi dalam aspek agama dan kebahagiaan manusia dan melihat hubungan antara keagamaan dan kebahagiaan (Ellison, 1991; Iannaccone, 1998; Argyle 1999, Frey & Stutzer, 2002). Ini bermaksud kebahagiaan manusia juga boleh dijadikan output penting dalam mengukur kejayaan dalam pengagihan zakat oleh institusi zakat kepada asnaf. Apa yang menariknya aspek keagamaan telah mendapat pengiktirafan daripada ahli ekonomi bukan Islam yang majoritinya melibatkan agama Kristian. Banyak kajian yang telah dilakukan menunjukkan aspek keagamaan mempunyai banyak kelebihan terhadap manusia termasuklah mengurangkan aktiviti yang melalaikan dan jenayah (Freeman, 1986; dan Hull, 2000), malah menurut Greene dan Yoon (2004), Adam Smith juga telah sekian lamanya menganggap aspek keagamaan sebagai pembina kehidupan yang baik kerana ia memberi kesan positif terhadap aspek psikologi dan kebahagiaan seseorang individu.

Demikian juga kajian yang dibuat oleh Allen Bergin (1991) professor of psychology at Brigham Young University bahawa orang yang mengamalkan

ajaran agama yang baik berpotensi boleh menyelesaikan masalah sosial yang sedia ada sekarang ini, dalam kajiannya itu mereka yang terlibat dengan kegiatan keagamaan boleh mengurangkan keterlibatan mereka dalam masalah seksual, kehamilan remaja, bunuh diri, penyalahgunaan dadah, alkohol, dan sesat. Dalam kajian yang dilakukan oleh Muhammad Yasir Abu Hassan (2005) contohnya, telah merumuskan dalam kajiannya berhubung dengan sejauh mana pengetahuan dan kefahaman agama di kalangan 60 orang pelajar Tingkatan Enam Atas Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah mendapati bahawa pembentukan personaliti adalah dipengaruhi oleh kefahaman dan penghayatan tersebut. Dapatkan ini menunjukkan sekolah agama mampu mengekang permasalahan sosial yang kian menggugat personaliti remaja. Menurut Adnan Yusopp, dalam Suzalie (2003). Di mana pendidikan agama telah memberi kesan positif ke arah mencapai matlamat membentuk muslim yang berilmu, beriman, beramal soleh dan berakhlaq mulia.

Hasil kajian yang dilakukan oleh Patric F Ragan, atas tajuk Why Religion Matters: The Impac of Religious Practice on Social Stability, Berpendapat Amalan biasa agama juga menggalakkan kesan yang baik seperti kesihatan mental kemurungan kurang (wabak moden), lebih harga diri, dan keluarga yang lebih besar dan kebahagiaan perkahwinan. Diperkuahkan lagi dengan kajian yang dibuat oleh D'souza (2004) yang berhubung kait dengan pendekatan rohani ditambah terapi tingkah laku kognitif dalam kajian kesihatan mental. Hasilnya menunjukkan bahawa rohani ditambah terapi tingkah laku kognitif membantu mengurangkan putus asa, kerjasama lebih baik rawatan, berulang dikurangkan, dan pemulihan fungsi dipertingkatkan.

Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan dalam pelbagai bidang tersebut, mempelihatkan bahawa berpegang dengan agama akan memberi kesan kepada perubahan tingkahlaku manusia, malah kalau nilai agama digunakan dalam merawat pesakit sama ada dari aspek mental dan jiwa juga memberi kesan yang amat signifikan kepada watak dan tingkahlaku manusia. Ini bermakna, mereka yang berpegang kuat dengan agama akan memberi kesan kepada perwatakan dan tingkahlaku kearah lebih baik dari apa yang dijangkakan.

Sekalipun tidak dinafikan mereka yang berpegang dengan agama juga mempunyai nilai adab dan tingkahlaku yang tidak baik. Ini boleh kita buktikan dengan perlakuan manusia pada hari ini, dimana mereka yang terlibat dengan jenayah, salah gunakuasa, penyelewengan terdiri daripada mereka yang faham dan berpegang teguh dengan agama. Dalam ertikata lain mereka menggunakan rupa agama yang ada pada diri mereka sebagai landasan untuk mereka melakukan kesalahan yang bertentangan dengan nilai. Misalnya Seorang penjawat awam 2014 mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, Kuala Lumpur atas tuduhan menerima rasuah bernilai hampir RM60,000. Kes kedua tuduhan ke atas inspektor penyelenggaraan BP Chemical Sdn Bhd dijatuhan hukuman denda RM1.885 juta dan penjara 108 bulan bagi 21 pertuduhan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009. Dalam laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Sembilan

telah menerima 44 maklumat berkaitan kesalahan rasuah setakat bulan Mei 2014, kebanyakannya atau lebih 50 peratus adalah penjawat awam.

Isu tahun 2011 dimana Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) berhubung aliran perbelanjaan sejumlah RM 1.7 juta. Kedua dimana Pengasas sebuah gereja paling kaya di Singapura didakwa di Mahkamah Rendah atas dakwaan menyeleweng wang derma hampir S\$23 juta. Pastor Kong Hee, 47, berdepan tiga dakwaan pecah amanah berhubung penyalahgunaan dana Gereja City Harvest, gereja terbesar di Singapura dengan keanggotaan lebih 30,000 orang. Timbul juga isu menyeleweng dana zakat di Pahang, dimana Majlis Agama Islam Pahang, telah menggunakan Dana Zakat untuk membeli Swiss Garden Hotel, di Pahang. Sementara Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan telah menggunakan dana zakat untuk menyelesaikan bayaran guaman, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Semua isu ini sekiranya tidak ditangani dengan baik dan sempurna ia memberi kesan kepada kesediaan masyarakat mengeluarkan harta mereka untuk diberikan kepada institusi yang berdasar kepada sumbangan orang ramai. Walau pun isu ini sesuatu yang belum pasti wujud atau sekiranya di buat penyiasatan menyeluruh ia bukanlah sesuatu yang tepat, tetapi ia memberi kesan kepada para penyumbang dana tersebut kepada institusi yang diamanahkan. Dakwaan menyeleweng wang derma orang awam untuk tragedi tsunami di Indonesia dimana pengeluaran wang berjumlah RM82,840 yang didakwa telah digunakan untuk membiayai satu persidangan di Jakarta. Kes-kes seperti itu perlu ditangani dengan baik, untuk memberi keyakinan masyarakat kepada institusi yang mengendalikan urusan kedermawanan, sekiranya isu itu tidak ditangani dengan baik dan sistematik, masyarakat akan berfikir dua tiga kali untuk menyumbang kepada institusi tersebut, kerana takut diselewangkan atau digunakan di tempat yang tidak sesuai dengan apa yang diiklankan.

### **Isu tadbir urus infaq semasa**

Beberapa ciri penting dalam mengurus infaq khususnya institusi pendidikan Islam yang bersandarkan kebijakan. Pada umumnya sumber dana untuk mengendalikan institusi ini bersandar kepada infaq daripada masyarakat. agar tidak timbul isu yang mengurang kepercayaan masyarakat kepada institusi agama. Justru sistem pengurusan institusi pendidikan yang berteraskan sumbangan mestilah mempunyai sistem pengurusan yang lebih berkualiti, mempunyai kewibawaan yang tinggi dan tahap kepercayaan masyarakat kepada institusi tersebut tidak dipertikai. Untuk meletakkan tahap keyakinan seperti itu, sistem pengurusan institusi tersebut mestilah mempunyai elemen nilai ketelusan yang tinggi. Setiap mereka yang ada hubungkait dengan institusi (stakeholder) tersebut mestilah mengetahui arah aliran kewangan yang dimiliki dari mana mereka dapat, bagaimana ia dikendalikan dan kemana ia digunakan semua perkara itu mesti dilapor dengan jelas dan terperinci, supaya tidak diragui. Maskipun pihak yang menginfak dananya tidak mengharapkan penjelasan bagaimana ia diuruskan namun institusi yang menerima bantuan mestilah melaporkan apa yang mereka lakukan. Kenyataan ini dinyatakan sendiri oleh timbalan pengetua Madrasah al

Nuriah, Sungai Udang ustaz Mohd Nor (2014), dimana salah satu sebab mengapa madarassah tersebut mampu bertahan sejak 70 tahun. Bagi beliau perubahan pengurusan dari masa kesemasa dan memberi keyakinan yang tepat kepada penderma amat penting dan mesti diperlihatkan secara jelas.

Demikian juga dimana pengurusan institusi pendidikan bukan kerajaan sekiranya hendak lestari mestilah mempunyai nilai rasa kebertanggungjawaban dalam sistem pengurusan mereka. Mereka bukan sahaja mempunyai nilai Keber tanggungjawaban kepada institusi, tetapi juga mempunyai nilai keber tanggungjawaban kepada pelajar, penderma dan yang lebih penting kepada Allah swt. Menurut pendapat beliau setiap sen yang dibelanjakan bukan sahaja dinilai oleh masyarakat tetapi akan dipersoal oleh Allah swt di akhirat kelak. Berdasarkan penyataan tersebut, bagi beliau pengurusan institusi pendidikan bukan kerajaan tidak boleh melakukan apa juga tindakan yang dilihat sebagai salah guna kuasa atau salah urus tadbir dalam sistem pengurusan kewangan mereka. Untuk mereka dapat bertahan dan diyakini masyarakat, nilai keber tanggungjawaban dalam sistem pengurusan mestilah menjadi titik utama yang perlu dilakukan. Kerana itu sejak 70 tahun diwujudkan, tidak timbul isu salah guna kuasa atau salah tadbir urus dalam mengendalikan pengurusan madrasah tersebut. Demikian juga pendapat yang dikemukakan oleh Tn Hj Musa Ahmad (2014), Pengurus Tahfiz al Qurra', Melaka melihat nilai keber tanggungjawaban aspek yang amat penting ditekankan dalam sistem pengurusan intitusi pendidikan bukan kerajaan, kerana ia memberi kelangsungan masyarakat untuk terus menyumbang kepada institusi. Pengalaman beliau mentadbir madrasah tersebut memerlukan komitmen yang tinggi, nilai ketelusan yang jelas dan rasa keber tanggungjawaban yang tidak boleh dipertikai, elemen tersebut akan memberi keyakinan masyarakat untuk terus menyumbang dalam kelangsungan madrasah tersebut. Dalam mebicarakan Enhancing Governance Of Philanthropy: Transparency & Accountability, Norazmi Talib, Board of Trustee, daripada Aqsa Syarif Berhad juga menekankan perkara yang sama, dimana persoalan akauntabiliti dan tranpreensi sesuatu yang amat penting dalam pengurusannya.

## KESIMPULAN

Berdasarkan penilaian di atas, jelas memperlihatkan bahawa nilai agama boleh mempengaruhi tingkah laku dan gerak tindak yang dilakukan. Insan yang baik berkait rapat dengan tinggi atau rendahnya pegangan mereka dengan agama yang mereka yakini. Banyak bukti memperlihatkan bahawa agama boleh mempengaruhi corak pemikiran dan kecenderungan naluri seseorang itu. Untuk menjadi sesuatu institusi itu bergerak mengikut landasan yang tepat dan betul diyakini oleh masyarakat, bergantung kepada sejauhmana elemen agama diperaktis oleh institusi tersebut dalam sistem pengurusan dan tahap pegangan agama anggota yang mengendalikan urusan institusi tersebut.

## **RUJUKAN**

- D'Souza, R.F. and A. Rodrigo. 2004. Spiritually augmented cognitive behavioural therapy. *Australas Psychiatry* 12: 148-152.
- Ellison C. (1991). Religious Involvement and Subjective Well-Being. *Journal of Health and Social Behaviour*. 32, 80-99.
- Ellison C.G, Gay D.A & Glass T.A. (1989). Does Religious Commitment Contribute to Individual Life Satisfaction? *Social Forces*. 68(1), 100-123.
- Freeman, R. (1986). "Who Escapes? The Relation of Churchgoing & Other Background Factors to the Socioeconomic Performance of Black Male Youths from Inner City Tracts" in *The Black Youth Employment Crisis*. Richard Freeman and Harry Holzer eds. Chicago: University of Chicago Press.
- Greene V.K & Yoon B.J. (2004). Religiosity, Economics and Life Satisfaction. *Review of Social Economy*. 62(2), 245-261.
- Hazura Binti Ab Bakar (2009), Hubungan Antara Penghayatan Agama, Nilaihidup Dan Pengetahuan Alam Sekitar Pelajar Muslim Dengan Sikap Dan Tingkah Laku, Thesis PhD, tidak terbit, Universiti Sains Malaysia
- Hull, Brooks. (2000). Religion Still Matters. *The Journal of Economics*. 24: 35-48 Iannaccone, Lawrence. (1998). Introduction to the Economics of Religion. *Journal of Economic Literature*. 36: 1465-95.
- Mohd Noor (2014), Penolong Pengetua Madrasah al Nuriah, Interview 21 May 2014, Avillion Hotel, Melaka
- Muhammad Yasir Abu Hassan, 2005. Pengetahuan dan Penghayatan Islam di Kalangan Pelajar: Satu Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah. Tidak diterbitkan.
- Musa Hj Ahmad (2014), Pengerusi Madrasah tahniz al Qurra', Interview 21 May 2014, Avillion Hotel, Melaka
- Norazmi Talib (2014), Board of Trustee, daripada Aqsa Syarif Berhad, interview 6 June 2014, Felamingo Hotel, Kuala Lumpur
- Schieman S, Nguyen K & Elliott. (2003). Religiosity, Socioeconomics Status and the sense of Mastery. *Social Psychology Quarterly*. 66 (3): 202-221.

